



Kenyataan Media

MCMC PULIHKAN 14 MENARA AKIBAT VANDALISME DI BUKIT PILAH

CYBERJAYA, 14 April 2026 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima laporan daripada CelcomDigi Berhad (CelcomDigi) pada Sabtu, 11 April 2026 berhubung gangguan perkhidmatan 2G dan 4G di sekitar Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Siasatan awal mendapati, gangguan tersebut berpunca daripada aktiviti vandalisme dan kecurian ke atas sebuah menara komunikasi milik CelcomDigi di Bukit Pilah.

Akibat perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut, gangguan turut menjejaskan 13 menara komunikasi lain serta hampir 1,668 pengguna daripada pelbagai syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi di sekitar kawasan Kuala Pilah.

Susulan itu, pihak MCMC telah mengadakan lawatan tapak ke lokasi terjejas bersama pihak CelcomDigi dan mendapati beberapa peralatan komunikasi, termasuk peralatan seperti *Radio Transport System (RTS)* dan *Baseband Unit (BBU)*, telah dicuri. Kejadian ini mengakibatkan gangguan perkhidmatan di kawasan berhampiran serta menjejaskan operasi menara komunikasi lain.

Pihak CelcomDigi telah melaksanakan kerja-kerja pemulihan dengan mengaktifkan semula menara komunikasi yang terjejas secara berperingkat. Kesemua 14 menara komunikasi kini telah kembali beroperasi dan mula menyediakan perkhidmatan kepada pengguna.

Sehubungan dengan itu, orang awam diseru untuk memainkan peranan dengan melaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau mana-mana pihak berkuasa sekiranya mengesan sebarang aktiviti mencurigakan di sekitar menara komunikasi.

MCMC tidak akan berkompromi terhadap sebarang tindakan yang menjejaskan infrastruktur komunikasi. Perbuatan vandalisme terhadap kemudahan telekomunikasi adalah kesalahan serius di bawah Seksyen 235 Akta Komunikasi

dan Multimedia 1998, yang memperuntukkan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

LAMPIRAN GAMBAR



Perbuatan vandalisme oleh pihak tidak bertanggungjawab ke atas menara komunikasi di Bukit Pilah, Negeri Sembilan.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F:** + 60 3 86 88 10 00 | **E:** corporate.communications@mcmc.gov.my | **W:** www.mcmc.gov.my

